

Lima agenda untuk kakitangan, pelajar UMS

Durie Rainer Fong

27/01/2011/DE/2

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon menggariskan lima agenda dalam ucapannya kepada kakitangan dan pelajar, pada Rabu, sambil menggesa mereka menjadikan universiti itu sebagai salah satu penanda aras kemajuan dan kecemerlangan negara.

Agenda-agenda itu adalah meletakkan ahli-ahli akademik pada status yang betul, menambahbaik kebolehan dan kedudukan universiti itu, menggabungkan penyelidikan berkualiti dan inovasi, meningkatkan potensi dan daya pasaran pelajar serta menaiktaraf kualiti individu dan kerja.

Dalam agenda pertama itu, Kamaruzaman antara lain mencabar ahli-ahli akademik supaya tidak berhenti daripada mencari pengetahuan, sambil menegaskan UMS tidak mahu diisi dengan profesor kangkung (profesor dengan pengetahuan yang terhad) dan sebaliknya haruslah mencari pengetahuan baharu dengan lebih membaca dan menulis lebih-lebih lagi jurnal atau buku.

Beliau menggesa ahli akademik UMS menggandakan usaha mereka menghasilkan jurnal dan buku, sambil menegaskan Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi penerbitan dalam kalangan kakitangan UMS masih belum mencapai sasarannya.

Kamaruzaman berkata, untuk menjadi cendekiawan yang berkaliber, ahli akademik juga tidak harus takut untuk menyuarakan pandangan dan kritikan mereka, sambil menegaskan sebuah universiti seharusnya menjadi tempat di mana semua idea dan pandangan boleh dibahaskan secara intelektual dan terbuka.

"Untuk memperkukuhkan budaya kecemerlangan dalam pengetahuan dalam kalangan ahli akademik, UMS juga menggalakkan kumpulan ini mengikuti program tugas sementara dengan jabatan-jabatan Kerajaan, untuk menjalani latihan jangka pendek di tempatan dan seberang laut dan juga mengambil bahagian dalam sabatikal," katanya, sambil menambah, hanya terdapat 14 kakitangan UMS terlibat dalam latihan industri di tempatan dan seberang laut.

Mengenai usaha melahirkan lebih ramai ahli akademik, universiti itu sentiasa melihat kepada pengambilan tenaga kerja baharu dan juga menghantar mereka mengambil ijazah kedoktoran.

"Pada 2010 sahaja, UMS mengalu-alukan kepulangan ramai calon-calon ini yang telah memperoleh ijazah masing-masing. Sekarang ini, kita mempunyai 286 kakitangan yang memiliki PhD dalam bidang masing-masing, menjadikan 34 peratus daripada tenaga pengajar UMS memiliki ijazah seperti itu," katanya.

Ucapan beliau itu juga disiarkan secara langsung ke Kampus UMS Labuan (UMSKAL) melalui sidang video.

Naib Canselor itu juga berjanji untuk menyelesaikan isu

kenaikan pangkat, dengan ramai yang tidak berpuas hati dengan kriteria yang ditetapkan dalam sistem sekarang.

"Bermula tahun ini, diharapkan urusan kenaikan pangkat boleh dilakukan dua kali setahun dan universiti itu akan melantik mereka yang memenuhi keperluan kelayakan," katanya.

Mengenai menambahbaik kebolehan dan kedudukan universiti itu, Kamaruzaman berkata, UMS boleh menunjukkan kekuatan bidangnya seperti kursus dalam Kejuruteraan Lanjutan, Pebankan dan Kewangan Islam, serta Hospitaliti dan Pelancongan, melalui satu sistem akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Beberapa projek pembangunan seperti menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan ICT di UMSKAL juga akan disiapkan selewat-lewatnya menjelang akhir tahun 2012, tambahnya.

Universiti itu juga boleh menganggap dirinya sebagai bertuah kerana mempunyai lokasi strategik di tengah-tengah gugusan pulau-pulau dan pulau Borneo, yang kaya dengan sumber yang belum diterokai.

Kawasan niche itu boleh mengemudi UMS menjadi satu subjek rujukan dan dihormati bukan sahaja di negara ini tetapi juga di peringkat antarabangsa, katanya, sambil menambah, Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS, Institut bagi Biologi Tropika dan Pemuliharaan serta Institut Penyelidikan Bioteknologi telah bekerjasama dengan agensi-agensi dan badan dari seberang laut.

"UMS mencapai KPInya terhadap kuantiti dan kualiti penyelidikan pada 2010, dengan hampir RM9.5 juta disalurkan kepada 129 projek penyelidikan," kata Kamaruzaman sambil menambah, para penyelidik memperoleh gran mereka daripada Skim Asas Gran Penyelidikan serta Skim Tabung Sains dan Wang Hasil Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Universiti itu juga mendapat pengiktirafan negara dan antarabangsa setelah mengadakan pameran penyelidikan bersama, katanya, sambil menambah, UMS setakat ini telah menerima 100 anugerah, 17 daripadanya emas, 38 perak dan selebihnya gangsa.

Daripada jumlah itu, 18 adalah anugerah antarabangsa dan yang lainnya dimenangi dalam pertandingan peringkat kebangsaan, tambahnya.

Sementara itu, untuk meningkatkan potensi dan daya pasaran pelajar, beliau berkata, penguasaan kuat bahasa Inggeris adalah penting, dan pada masa yang sama menggesa pelajar lebih aktif dalam pidato umum, sambil menyatakan rasa sedihnya kerana gesaannya serupa itu dalam ucapannya sebelum ini tidak begitu diendahkan.

"Saya harap ruang yang ada di setiap sekolah, kediaman kolej, perpustakaan dan dewan-dewan syarahan berhampiran digunakan untuk aktiviti ini...jangan menyerahkannya kepada kumpulan bahas semata-mata," tegas beliau.